

HARGA RUNCIT PETROL DIJANGKA KEKAL RENDAH

» Pengguna terus nikmati kos munasabah sehingga Jun: Penganalisis

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Pengguna di negara ini dijangka terus menikmati harga runcit petrol yang rendah sehingga separuh pertama tahun depan, demikian mengikut Affin Hwang Capital Research.

Bahagian penyelidikan dan penasihat pasaran modal

Affin Hwang Investment Bank Bhd itu menegaskan, keadaan itu didorong oleh kedudukan harga minyak mentah global yang susut ke paras terendah baru-baru ini.

Namun begitu, ia berkata, terdapat tekanan dari segi inflasi import susulan kelemahan ringgit.

"Meskipun wujud beberapa tekanan inflasi, kami jangka pendirian dasar monetari akan kekal akomodatif, yang mana mandat Bank Negara Malaysia (BNM) untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan inflasi yang stabil akan menumpukan kepada keadaan ekonomi domestik.

"Justeru itu, kami percaya BNM akan mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) kekal pada kadar 3.25 peratus sepan-

jang 2016," katanya dalam nota penyelidikan, semalam.

Tekanan inflasi terhad

Mengulas mengenai kadar inflasi setakat ini, Affin Hwang Capital berkata, meskipun ringgit lemah dan pengumuman pelbagai pelarasan harga, tekanan inflasi agak terhad, dengan memperlihatkan purata kadar inflasi sekitar 2.0 peratus dalam tempoh 11 bulan pertama tahun ini berbanding 3.2 peratus tahun lalu.

Affin Hwang Capital berpendapat, dengan tekanan inflasi yang berkurangan, ia percaya kadar inflasi bagi 2015 adalah lebih rendah, iaitu sekitar 2.1 peratus berbanding 3.2 peratus yang dicatatkan pada 2014.

Namun begitu, bagi 2016 pula, ia jangka inflasi di negara

ini akan berlegar pada paras antara 2.5-3.0 peratus berbanding sasaran rasmi antara 2.0-3.0 peratus.

Katanya, terdapat kemungkinan tekanan inflasi domestik meningkat jika kerajaan memutuskan untuk mengurangkan subsidi bagi produk lain tahun depan.

Sementara itu, AmInvestment Bank Bhd juga berpendapat tekanan kos domestik masih terkawal dengan purata kadar inflasi dijangka sekitar 2.1 peratus dicatatkan bagi keseluruhan tahun ini.

Bagi 2016 pula, bank pelaburan itu mengunjurkan kadar inflasi akan meningkat kepada paras purata sekitar 3.1 peratus dengan jangkaan pengurangan subsidi secara berterusan.

Ia juga menjangkakan, BNM akan mengekalkan kadar OPR pada paras semasa pada mesyuarat dasar yang dijadualkan pada 21 Januari 2016 berikutan harga dan pertumbuhan ekonomi kekal stabil.

"Meskipun wujud beberapa tekanan inflasi, kami jangka pendirian dasar monetari akan kekal akomodatif, yang mana mandat Bank Negara Malaysia untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dan inflasi yang stabil akan menumpukan kepada keadaan ekonomi domestik"

Affin Hwang Capital Research

